



Cambridge IGCSE™

FIRST LANGUAGE MALAY

0696/01

Paper 1 Reading and Directed Writing

May/June 2023

INSERT

2 hours



INFORMATION

- This insert contains the reading passages.
- You may annotate this insert and use the blank spaces for planning. **Do not write your answers** on the insert.

MAKLUMAT

- Sisipan ini mengandungi teks-teks bacaan.
- Anda boleh membuat catatan pada sisipan ini dan gunakan ruang kosong untuk merangka jawapan.
Jangan tulis jawapan anda pada sisipan tersebut.

This document has **8** pages. Any blank pages are indicated.

Baca Teks A, kemudian jawab Soalan 1 dalam Kertas Soalan.

Teks A: Semendera Janji

(Md Nizar Parman disuaipadankan, Mac 2021)

SEJAK kecil, Munah memang telah diasuh untuk bermesra-mesra dengan laut dan ombak. Munah cekap menghidu bau angin. Munah tahu bila ribut akan turun apabila melihat kelompok awan yang berarak di kaki langit dan merasa angin yang menyentuhnya. Jika keadaan itu berlaku, Pak Munir akan cepat-cepat menarik pukatnya.

Kebelakangan ini, Munah sering memikirkan kesihatan Pak Munir.

"Engkau tak perlu risau fasal aku, Munah. Aku masih kuat untuk turun ke laut. Tarik pukat. Engkau tu yang patut risaukan diri. Umur sudah hampir suku abad, bayang jodoh pun tak nampak lagi!" tempelak ayahnya.

"Ke situ pula ayah ni," rungut Munah – memuncungkan mulutnya.

"Sampai bila engkau mahu bersendirian? Ayah tidak muda lagi. Entah esok... entah lusa, Dia jemput aku," ujar ayahnya yang duduk di pangkin kayu di anjung rumah.

Ketika itu, Munah mendiamkan diri. Entah berapa kali ayahnya berkata begitu. Belakang ini hasil tangkapan ikannya semakin berkurangan. Itu soal yang lebih merunsingkan fikirannya berbanding memikirkan soal jodoh.

Pun begitu, Munah tetap bersyukur kerana buat masa ini dia dan ayahnya tidak pernah keputusan wang belanja. Hasil yang diperoleh daripada jualan ikannya dibelanjakan dengan cermat. Tidak seperti gadis yang lain, Munah amat langka membelanjakan wangnya untuk tujuan kecantikan. Cuma setiap malam sebelum tidur dia akan menempekkan mukanya dengan bedak sejuk. Itu sudah memadai baginya.

Munah mendongak ke langit. Sudah rembang tengah hari. Tengkuknya berasa perit dijilat rakus cahaya matahari. Esok dia dan ayahnya akan memukat ikan lagi berhampiran sebuah pulau kecil tidak jauh dari jeti nelayan di situ.

Dia melabuhkan punggung berdekatan dengan ayahnya di pangkin kayu itu untuk menghilangkan lelahnya.

"Jadi kamu hendak ke jeti pemancing kita tu petang nanti?" soal ayahnya.

"Jadi, ayah. Munah dah janji dengan Sahak. Dia nak periksa tiang dan lantai jeti pemancing tu," balas Munah.

"Sebab ada beberapa tiang buluh tu sudah terbenam. Lantainya pun sudah mula melendut."

Pak Munir terangguk-angguk. Siapakah lagi yang hendak diharapkan untuk mewarisi pekerjaannya sebagai anak laut kalau bukan Munah?

Pak Munir sedikit pun tidak berasa kesal walaupun Munah tidak berotak cair seperti abang dan kakaknya yang berkelulusan tinggi. Dan, Munah juga tidak pernah menyesali nasibnya. Hanya kadang-kadang dia berasa sedih apabila melihat anak gadisnya itu terpaksa memerah kudratnya di bawah terik matahari ketika melabuhkan dan menarik pukat.

"Engkau dengan Sahak tu ada apa-apakah?" tanya Pak Munir.

5

10

15

20

25

30

35

Munah biarkan soalan ayahnya tidak terjawab buat beberapa ketika.

"Soal perasaan, jodoh dan masa depan Munah, biarlah takdir yang menentukannya, Ayah. Cuma buat masa ini, Munah belum bersedia. Munah pun ada impian," balas Munah.

Pak Munir diam. Tak guna nak memaksa Munah. Dia kenal Munah. Dia tahu hati Munah. Hati Munah seperti bongkah-bongkah batu di tepi laut itu juga.

40

Dalam kalangan teman sekolahnya, Sahaklah yang paling akrab dengannya. Mungkin mereka mempunyai minat yang sama. Ya, laut. Laut yang bagaikan naga lapar dan ombak yang bagaikan apinya telah mengakis pasir nan putih di pesisiran pantai itu.

Cuma perbezaannya, Sahak mewarisi syarikat penangkapan ikan milik arwah ayahnya. Dia mempunyai dua buah bot besar untuk menangkap ikan di laut dalam. Dan, Munah juga mempunyai impian yang sama.

45

"Dapat?" tanya Munah lembut.

Dia duduk di atas sebongkah batu besar di tepi pantai itu, betul-betul bersebelahan dengan pintu masuk jeti pemancingnya.

"Dapat. Ada di dalam lori tu," jawab Sahak.

50

Munah melihat sarang-sarang kupangnya yang diikat dengan tong berwarna biru dan hijau teroleng-oleng dipukul ombak. Dua atau tiga bulan lagi, dapatlah dia menuai kupang-kupang itu. Sahak yang membekalkan benih-benih kupang itu kepadanya.

"Alhamdulillah. Nampaknya usaha Munah akan membawa hasil. Kalau dah banyak nanti, kita akan bersama-sama mengeksport kupang ini ke negara jiran," ujar Sahak.

55

Munah tersenyum puas. Apa sahaja yang tidak dilakukannya untuk kelangsungan dunia nelayan yang diwarisi oleh ayahnya?

Legasi itu harus diteruskan.

Dia tidak boleh hanya mengharapkan ikan-ikan masuk ke dalam pukatnya setiap hari. Dengan jumlah tangkapan yang kian tidak menentu, dia harus berani untuk melakukan perubahan untuk menambahkan pendapatan. Sahak yang mencadangkan untuk menternak kupang. Ternakan kupang ada potensi untuk maju. Sahak sendiri tidak menang tangan untuk membekalkan kupang kepada para peniaga terutama pengusaha kedai atau restoran makanan laut di sekitar daerah itu.

60

Daripada Sahak jugalah dia mula belajar memasarkan ikan-ikan segar secara dalam talian. Pada peringkat awalnya, dia hanya membuka jualannya untuk orang-orang kampung dan taman perumahan berhampiran dengan tempat tinggalnya dan menyediakan perkhidmatan penghantaran ikan.

65

Kupang-kupang yang diternak oleh Munah sudah cukup tempoh matangnya kini. Esok dia akan mengemudikan botnya dari jeti bersama-sama ayahnya dan Sahak untuk mengutip kupang-kupang itu.

70

Lewat malam itu, hujan lebat dan badai telah melanda kampung-kampung berhampiran. Munah berharap sarang-sarang kupangnya selamat dan tidak dihanyutkan ombak yang mengganas. Dia amat bimbang jika buluh yang digunakan untuk mengikat sarang kupang dan tong-tong plastik sebagai pelampung itu tercabut dan hanyut. Munah berdoa agar tidak ada apa-apa yang berlaku.

75

Badai yang luar biasa malam tadi telah menyebabkan banyak dahan pokok di sepanjang jalan menuju ke jeti itu serkah. Daun-daun dan rantingnya gugur di jalanan. Sebatang pokok kelapa di tepi jeti nelayan itu telah tumbang. Mujur tidak mengenai jeti dan bot-bot nelayan di situ. Tumbangnya ke arah lain. Pokok kelapa itu bagai dipulas-pulas oleh angin.

80

Laut pagi itu tenang. Munah mengemudikan botnya dengan berhati-hati. Ayahnya pula sedang rancak berbual-bual dengan Sahak di bahagian hadapan bot. Sebaik-baik sahaja tiba di kawasan ternakan kupangnya, mereka mendapati sebahagian besar tong-tong plastik itu telah hilang. Munah kehilangan kata-kata. Sepasang matanya mula digenangi air mata.

"Bukan kena ribut. Ada orang yang sengaja memotong talinya," jelas Sahak.

85

Munah meraup-raup wajahnya. Siapalah yang tergamak melakukan perbuatan khianat itu kepadanya?

Baca Teks B dan C, kemudian jawab Soalan 2 dalam Kertas Soalan.

Teks B: Pembelajaran secara dalam talian: berkesan atau tidak?

(Umirra Sahad disuaipadankan, Jun 2020)

Selama hampir 3 bulan sekolah ditutup atas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang pertama, ibu bapa, anak-anak dan juga guru-guru terpaksa menyesuaikan diri dengan pembelajaran secara dalam talian. Tanpa persediaan yang rapi dan pengetahuan yang menyeluruh, mampukah kita sebagai ibu bapa memainkan peranan sebagai guru di rumah? Bagaimana pula penerimaan anak-anak yang sudah menjadi rutin mereka ke sekolah tetapi kini terpaksa belajar di rumah? Bolehkah guru-guru menyediakan bahan yang lengkap, sesuai untuk ibu bapa dan anak murid di rumah? 5

Pembelajaran secara dalam talian lebih mudah untuk diperaktikkan oleh murid-murid sekolah menengah atau sekurang-kurangnya pelajar Tahun 6. Anak-anak yang masih di tadika atau Tahun 1 terutamanya mempunyai masalah untuk memberikan sepenuh perhatian dalam tempoh yang lama berbanding mereka yang lebih dewasa. Ini mungkin menyukarkan sesi pembelajaran secara dalam talian untuk dijalankan. 10

Kita perlu terima hakikat bahawa kemudahan internet atau WiFi di negara kita masih belum mencapai tahap optimum. Tidak semua murid mempunyai akses ini di rumah masing-masing, lebih-lebih lagi murid-murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Ini juga sukar buat keluarga yang mempunyai ramai adik-beradik yang masih bersekolah dan kemudahan seperti komputer atau telefon pintar sangat terhad. 15

Interaksi antara murid dengan guru amat penting demi memastikan tiada yang ketinggalan dalam kelas. Ini mungkin lebih mudah jika pembelajaran dilakukan secara normal di sekolah, namun berbeza keadaannya di dalam talian. Murid yang pendiam akan terus senyap dan ‘halimunan’ dalam kelas secara dalam talian berbanding dengan yang lain. 20

Jika di sekolah, setiap murid akan berada di dalam kelas semasa sesi pembelajaran. Berbeza dengan di rumah, murid terpaksa sesuaikan diri dengan keadaan di rumah. Bising, adik-beradik yang lain mengganggu konsentrasi, persekitaran yang tidak kondusif seperti tiada bilik yang sesuai – ini semua boleh menyebabkan murid-murid menjadi tidak bersemangat untuk meneruskan sesi pembelajaran. 25

Lebih sukar lagi untuk murid-murid yang ibu bapa ialah petugas barisan hadapan. Ibu bapa terpaksa pergi bertugas tetapi sekolah dan pusat jagaan kanak-kanak pula tidak dibuka. Maka murid-murid inilah yang terpaksa menjaga adik-beradik mereka di rumah. Apa lagi pilihan yang mereka ada, bukan? 30

Kasihan juga buat ibu bapa yang merupakan petugas barisan hadapan. Penat sehari-hari bekerja, terpaksa pula menggagahkan diri membantu anak dalam hal sekolah yang selama ini dapat diringankan sedikit dengan bantuan guru-guru di sekolah.

Tidak semua ibu bapa juga mempunyai kesabaran dan kemahiran yang ada pada para guru dalam mendidik anak-anak. Jika di sekolah, anak-anak ini akan lebih hormat dan mendengar kata guru. Berbeza pula di rumah kerana mereka melihat ibu bapa bukanlah sebagai guru mereka sendiri. 35

Kaedah dan teknik pengajaran ibu bapa sudah tentulah berpandukan cara lama, cara kita di bangku sekolah dahulu. Sudah tentulah berbeza sekali dengan cara para guru mengajar zaman sekarang. Kalau untuk murid sekolah rendah mungkin masih tiada masalah, tetapi bagaimana pula untuk mengajar subjek yang lebih sukar? Pening dibuatnya! 40

TEKS C: Ibu bapa dan guru perlu bekerjasama

(Prof Madya Dr Che Hasniza Che Noh disuaipadankan, mac 2021)

SAUDARA PENGARANG,

WALAUUPUN sesi persekolahan bersemuka mula dilaksanakan secara berperingkat, tidak salah untuk kita melihat semula proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) yang diamalkan sebelum ini.

Segala kelemahan perlu diperbaiki khususnya bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang perlunya mereka memainkan peranan sepenuhnya jika PdPR dilaksanakan semula pada masa hadapan. 5

Penglibatan ibu bapa dalam proses PdPR agak berbeza kerana harus seiring dengan penglibatan guru. Sekalipun berada di tempat kerja, ibu bapa memerlukan ‘orang tengah’ untuk menghubungkan guru dengan anak-anak mereka yang berada di rumah. 10

Menjadi ‘guru kedua’ di rumah dalam menjayakan proses PdPR adalah cabaran besar bagi ibu bapa. Bermula daripada menyediakan kemudahan dan peralatan berkaitan seperti komputer atau telefon berserta talian internet yang aktif sehinggalah buku teks, aktiviti dan latihan berkaitan serta alat tulis.

Ibu bapa perlu melakukan kaedah *trial and error* ketika menggunakan aplikasi seperti *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom*, *Microsoft Teams* dan sebagainya untuk membantu anak-anak mereka. 15

Jika menggunakan DidikTV, ibu bapa perlu memastikan dan memantau waktu siaran yang bersesuaian dengan anak-anak mereka. Semasa proses PdPR berlangsung, ibu bapa perlu membantu untuk klik pautan berkaitan, juga kemahiran-kemahiran asas lain berkaitan komputer. Di samping itu, ada kalanya ibu bapa perlu membantu untuk menjawab soalan dan aktiviti anak-anak. 20

Penglibatan ibu bapa amat perlu kerana agak sukar bagi anak-anak yang baru mencuba untuk menyesuaikan diri dengan kaedah ini untuk melukannya tanpa bantuan orang lebih dewasa di sisi mereka. 25

Keadaan ini sudah pasti menyukarkan ibu bapa yang perlu keluar bekerja. Anak-anak mungkin hanya dapat belajar setelah ibu bapa balik dari kerja dan membantu melaksanakan aktiviti yang telah diselesaikan oleh rakan sekelas mereka pada waktu siang.

Sekiranya ada masalah yang boleh mengganggu pembelajaran anak-anak mereka atau anak-anak tidak dapat mengikuti kelas dengan baik, ibu bapa perlulah memaklumkan kepada guru. 30

Dalam situasi getir ini, ibu bapa dan guru perlu saling bekerjasama dan membantu antara satu sama lain demi kelangsungan pembelajaran anak-anak.

BLANK PAGE

BLANK PAGE

Permission to reproduce items where third-party owned material protected by copyright is included has been sought and cleared where possible. Every reasonable effort has been made by the publisher (UCLES) to trace copyright holders, but if any items requiring clearance have unwittingly been included, the publisher will be pleased to make amends at the earliest possible opportunity.

To avoid the issue of disclosure of answer-related information to candidates, all copyright acknowledgements are reproduced online in the Cambridge Assessment International Education Copyright Acknowledgements Booklet. This is produced for each series of examinations and is freely available to download at www.cambridgeinternational.org after the live examination series.

Cambridge Assessment International Education is part of Cambridge Assessment. Cambridge Assessment is the brand name of the University of Cambridge Local Examinations Syndicate (UCLES), which is a department of the University of Cambridge.